

DATE: 6/10/2010

Dr Mahathir dibenar keluar hospital

BH-6/10/2010

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad (**kanan**) semalam dibenarkan keluar dari Epworth Hospital, Melbourne, Australia.

Pegawai khas beliau, Sufi Yusoff, berkata pasukan perubatan berpuas hati dengan kemajuan kesihatan Dr Mahathir, tetapi beliau akan ditempatkan dalam pengawasan bagi tempoh belum diketahui.

"Sepanjang tempoh itu, pasukan perubatan memberikan rawatan antibiotik dan fisioterapi kerana ini dilakukan sejak beliau dimasukkan ke hospital itu akibat jangkitan dalam dada," kata beliau dalam e-mel kepada *BERNAMA*.

Beliau dibenarkan keluar hospital itu semalam ke sebuah hospital berhampiran sebagai sebahagian



daripada proses pemulihan mempercepatkan kadar pemulihan Dr Mahathir

Dr Mahathir yang diiringi isteri beliau, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali berada di Melbourne, sejak Khamis lalu untuk berucap pada Seminar Mengenai Pembangunan Manusia, Sabtu lalu, anjuran Kelab UMNO Melbourne di University of Melbourne. - *BERNAMA*